KILANG PAPAN KUALA KANGSAR SDN. BHD.

lwn.

KOPERASI SERBAGUNA BEKAS-BEKAS POLIS PERAK BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
DATO' ABDUL HAMID BIN EMBONG PK
[GUAMAN SIVIL NO. 22-5-92]
27 FEBRUARI 1995

KONTRAK: *Perjanjian menyerahkan hak membalak - Samada perjanjian merupakan pelupusan hak pelesenan - Samada perjanjian sah di sisi undang-undang - Akta Perhutanan Negara 1984, s. 15(1)(a) - Samada perjanjian boleh dipecahbahagikan mengikut fasal sah dan fasal tak sah - Samada fasal tak sah boleh dipotong dari perjanjian.*

GANTIRUGI: *Restitusi - Seksyen 66 Akta Kontrak 1950 - Perjanjian tidak sah di sisi undang-undang - Wang pendahuluan diterima di bawah perjanjian - Samada wang tersebut boleh dikembalikan.*

[**English** Translation of Catchwords]

CONTRACT: *Agreement to assign logging rights - Whether agreement in fact a disposal of licence - Whether contract legally valid - National Forestry Act 1984, s. 15(1)(a) - Whether agreement can be separated into valid clauses and invalid clauses - Whether invalid clause can be severed from the agreement.*

DAMAGES: *Restitution - Section 66 Contracts Act 1950 - Illegal contract - Deposit received under agreement - Whether the deposit can be restored.*

Melalui satu perjanjian bertarikh 20 Julai 1990 dan sebagai balasan wang pendahuluan sebanyak RM55,000 defendan telah menyerah hak membalak di atas tanah kerajaan seluas 822 hektar yang diperolehinya kepada plaintif. Defendan kemudiannya memaklumkan kepada plaintif bahawa ia berniat untuk membatalkan perjanjian dan bersedia untuk mengembalikan wang sebanyak RM55,465 yang diterimanya akibat perjanjian tersebut. Plaintif bertindak dengan memfailkan writ saman yang disusuli defendan dengan permohonan membatalkan prosiding di bawah A. 18 k. 19 KMT 1980 di atas alasan bahawa perjanjian itu adalah menyalahi undang-undang dan tidak sah. Justeru perbicaraan permohonan tersebut, satu perintah Mahkamah dikeluarkan agar tindakan dibatalkan dan dibuang dan wang sebanyak RM55,000 dikembalikan kepada plaintif. Kedua-dua pihak merayu terhadap keputusan tersebut. Plaintif memberi alasan bahawa terdapat isu yang perlu dibicarakan disebabkan perjanjian tersebut merupakan satu urusan jualbeli kayu balak yang sah dan tidak bertentangan mana-mana Akta. Defendan pula memberi alasan bahawa perjanjian terbatal kerana menyalahi undang-undang, oleh itu adalah salah bagi Penolong Kanan Pendaftar untuk memerintahkan supaya wang RM55,000 dikembalikan kepada plaintif.

Isu yang perlu diputuskan Mahkamah adalah samada perjanjian tersebut sah di sisi undang-undang dan samada wang tersebut patut dikembalikan.

Diputuskan:

[1] Perjanjian itu dengan jelas memberi hak secara menyeluruh kepada plaintif untuk mengambilalih bukan sahaja hasil balak daripada kawasan yang diluluskan kepada

defendan, bahkan premium yang perlu dibayar terhadapnya perlu dibayar oleh plaintif. Peranan defendan hanya untuk memperolehi lesen daripada pihak berkuasa. Perjanjian ini bukan sahaja membenarkan plaintif mengambil hasil dari kawasan Blok 1 bahkan juga memberi kuasa eksklusif pembalakan kepada mana-mana kawasan yang mana lesennya masih belum diperolehi oleh defendan. Pelupusan hak pelesenan yang begini menyeluruh adalah bertentangan dengan undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984. Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah s. 15(1)(a) Akta adalah untuk kegunaan persendirian pelesen itu dan tidak boleh diserahhak atau dipindahhak kepada orang lain. Undang-undang itu sendiri telah menetapkan bahawa sesuatu lesen itu akan "mati dengan pemegangnya".

[2] Keseluruhan perjanjian adalah menyalahi undang-undang oleh kerana fasal-fasal dalamnya berhubungkait dan tidak boleh diasingkan antara satu sama lain. Oleh itu "blue pencil rule" tidak terpakai bagi tujuan memotong fasal-fasal tertentu dalam perjanjian itu. Mahkamah tidak boleh melangkah lebih daripada memberi keputusan bahawa perjanjian itu adalah menyalahi undang-undang. Mahkamah bukannya tempat untuk membersihkan sesuatu yang tercemar di sisi undang-undang.

[3] Kedua-dua pihak tidak menyedari bahawa mereka telah mengikat satu perjanjian yang menyalahi undang-undang. Oleh itu, plaintif boleh menerima balik sebagai bayaran yang dibuat olehnya di bawah perjanjian ini mengikut s. 66 Akta Kontrak 1950 memandangkan dia tidak "*in pari delicto*". Tuntutan plaintif supaya dikembalikan wang pendahuluan tidak tercemar walaupun kedua-dua pihak telah mengikat satu perjanjian yang menyalahi undang-undang.

[Kedua-dua rayuan ditolak; tiada kos diperintahkan]

Kes-kes yang dirujuk:
Hashim bin Adam v. Daya Utama Sdn. Bhd. [1980] 1 MLJ 125 ***(dirujuk)***
Tan Bing Hock v. Abu Samah [1967] 2 MLJ 148 ***(dirujuk)***
Lo Su Tsoon Timber Depot v. Southern Estate Sdn. Bhd. [1971] 2 MLJ 161 ***(dirujuk)***
Sundang Timber Co. Sdn. Bhd. v. Kinabatangan Development Sdn. Bhd. [1977] 2 MLJ ***(dirujuk)***
Snell v. Unity Finance Ltd. [1963] 3 ALL ER 50 ***(dirujuk)***
Elder v. Auerbach [1949] 2 ALL ER 692 ***(dirujuk)***
Menaka v. Ng Siew San [1973] 1 MLJ 50 ***(dirujuk)***
Ahmad bin Udoh and Anor v. Ng Aik Chong [1971] 1 MLJ 82 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Kontrak 1950 (Akta 136), s. 66
Akta Perhutanan Negara 1984, ss. 15(1)(a), 23
Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19
Trengganu Forest Rules, r. 2

Bagi pihak plaintif - T/n. Chang Ko Youn & Co.
Bagi pihak defendan - T/n. Maxwell, Kenion, Cowdy & Jones

PENGHAKIMAN

Abdul Hamid bin Embong PK:

Tuntutan oleh plaintif di sini ialah untuk pelaksanaan spesifik dan atau gantirugi terhadap defendan berdasarkan satu perjanjian antara mereka yang ditandatangani pada 20 Julai 1990 (perjanjian itu).

Susulan kepada writ saman yang difailkan oleh plaintif pada 7 Januari 1992, defendan telah pada 6 Julai 1992 memasuki permohonan melalui satu saman dalam kamar (kand. 7)

untuk membatalkan prosiding di bawah A. 18, k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atas alasan bahawa perjanjian itu adalah menyalahi undang-undang dan tidak sah. Pada 22 October 1992 Penolong Kanan Pendaftar, telah membicarakan permohonan itu dan telah membuat perintah supaya tindakan itu dibatalkan dan dibuang. Yang arif Penolong Kanan Pendaftar juga telah memerintah agar defendan mengembalikan wang sebanyak RM55,000 yang telah diterima oleh defendan daripada plaintif sebagai bayaran di bawah perjanjian itu.

Kedua-dua pihak kini telah merayu terhadap keputusan tersebut (kand. 9 & 10). Alasan rayuan plaintif ialah bahawa perjanjian itu merupakan satu urusan jualbeli kayu balak dan adalah sah dan tidak bertentangan mana-mana Akta. Oleh itu ada isu yang perlu dibicarakan dan tindakan ini tidak sepatutnya dibatalkan dan dibuang secara terus. Pihak defendan pula menyatakan, sebagai alasan rayuan, bahawa perjanjian itu adalah bertentangan dengan peruntukan Akta Perhutanan Negara, oleh itu menyalahi undang-undang, maka ia adalah batal dan tidak sah. Defendan juga menyatakan bahawa Penolong Kanan Pendaftar telah tersilap apabila dia memerintahkan supaya wang RM55,000 yang telah diterima oleh defendan, dikembalikan kepada plaintif.

Fakta kes yang tidak dipertikaikan oleh kedua-dua pihak ialah:

1. Defendan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, melalui surat Pengarah Hutan Negeri bertarikh 26 Mei 1990, tanah kerajaan seluas 822 hektar di Air Cepam, Daerah Hulu Perak bagi tujuan membalak (disebut sebagai Blok 1).
2. Pada 20 Julai 1990 defendan telah menyerahkan hak untuk membalak ke atas Blok 1 tersebut melalui satu perjanjian (sila lihat lampiran bertanda HRM1 kand. 7). Encik Chang Ko Youn, peguambela yang mewakili plaintif dalam kes ini telah menandatangani sebagai saksi kepada kedua-dua plaintif dan defendan dalam perjanjian itu.
3. Pada 21 Januari 1992 defendan melalui peguamnya telah menulis kepada plaintif memaklumkan bahawa mereka ingin membatalkan perjanjian itu (sila lihat HRM3 dalam kand. 6). Surat itu juga menyatakan bahawa defendan sedia mengembalikan wang sebanyak RM55,465 yang telah diterima oleh mereka daripada plaintif akibat perjanjian itu.
4. Wang pendahuluan sebanyak RM55,000 telah diterima oleh defendan sebagai bayaran permulaan daripada plaintif mengikut perjanjian itu.

Isu terpenting yang perlu diputuskan di sini ialah samada perjanjian 20 Julai 1990 itu sah di sisi undang-undang.

Perjanjian itu antara lain membekalkan fasal berikut:

1. All timber therein shall be sold **exclusively** to the plaintiff (purchaser) - Fasal 2(1).
2. All timber in the said **compartment shall belong** to the purchaser absolutely and beneficially and they shall have full right and power to dispose the same and the proceeds of sale thereof shall be kept by the purchaser - Fasal 8.
3. The purchaser shall pay for the premium payable for the **said forest compartment** - Fasal 9.

Selain daripada fasal di atas, terdapat juga dalam mukadimah perjanjian itu fasal berikut:

> ii. There is insufficient timber therein (Blok 1) and is not viable.
>
> iii. The vendor is desirous of applying to the authority for a new forest compartment whereby all the timber found in the **new forest compartment** (hereinafter called **the said forest compartment**) whether cut or uncut, felled or unfelled shall be sold to the purchaser in the following terms and conditions.

Fasal 1 perjanjian itu pula berbunyi:

> 1. Upon execution of this agreement, the purchaser shall pay the vendor the sum of RM35,000 (the receipt whereof the vendor acknowledges) being the sale and purchase price of all timber in **Blok 1**.

Seterusnya Fasal 2 (i) menyatakan:

> (i) All timber in the **said forest compartment** shall be sold **exclusively** to the purchaser at the price of $30 per ton.

(Nota: Perkataan dan ungkapan yang digaris adalah penekanan yang saya tambah).

Adalah jelas daripada fasal yang dipetik di atas bahawa defendan telah bersetuju untuk melupuskan haknya bukan sahaja bagi Blok 1 tetapi juga terhadap mana-mana kawasan tanah balak baru yang akan diperolehi daripada Kerajaan Negeri. Perjanjian itu dengan jelas memberi hak secara menyeluruh kepada plaintif untuk mengambil alih bukan sahaja hasil balak daripada kawasan yang diluluskan kepada defendan, bahkan premium yang perlu dibayar terhadapnya juga perlu dibayar oleh plaintif. Efek daripada fasal 9 yang disebutkan di atas ialah, jika plaintif tidak bertindak untuk membayar premium yang ditetapkan, maka tidak mungkin lesen pembalakan bagi kawasan itu akan diperolehi. Ini bermakna bahawa plaintif perlu mengambil alih kawasan serta operasi ke atas kawasan tersebut daripada saat awal lagi. Peranan defendan hanya untuk memperolehi lesen daripada pihak berkuasa. Jika diperhatikan, perjanjian itu bukan sahaja membenarkan plaintif mengambil hasil dari kawasan Blok 1 (yang telah diluluskan kepada defendan), bahkan juga memberi kuasa eksklusif pembalakan kepada mana-mana kawasan yang mana lesennya masih belum diperolehi oleh defendan. Pelupusan hak pelesenan yang begini menyeluruh, pada pendapat saya adalah bertentangan dengan undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta) yang berkuatkuasa di Negeri Perak pada 27 Disember 1985 melalui Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Seksyen 23 Akta menyebut:

> 23(1) Except as provided in subsections (2) and (3), a licence shall not be capable of transfer or assignment and every licence shall terminate on the death of a person, or dissolution of the body for the time being the holder thereof.

Sesuatu lesen yang dikeluarkan dibawah s. 15(1)(a) Akta adalah untuk kegunaan persendirian pelesen itu dan tidak boleh diserahhak atau dipindahhak kepada orang lain. Undang-undang itu sendiri telah menetapkan bahawa sesuatu lesen itu akan "mati dengan pemegangnya".

Dalam kes *Hashim bin Adam v. Daya Utama Sdn. Bhd.* [1980] 1 MLJ 125, plaintif telah diberi milik lesen di bawah s. 15(1)(a) Akta. Dia telah membuat perjanjian dengan defendan memindahhak dan menyerahhak lesen tersebut kepada defendan yang tidak menjalankan tanggungjawabnya mengikut perjanjian tersebut. Lesen telah dibatalkan dan plaintif menuntut gantirugi sebanyak RM43,800. Defendan menjawab bahawa perjanjian

tersebut menyalahi undang-undang, terbatal dan tidak boleh dikuatkuasa. Hakim Mohamed Zahir dalam penghakimannya berkenaan takrif yang perlu diberi kepada r. 2 Trengganu Forest Rules yang antara lain berbunyi "No licence thus issued ..... shall be transferable", berkata di muka surat 127:

> If we consider the agreement entered between the parties herein it is obvious that for all intents and purposes a transfer of a substantial right obtainable under the licence from the plaintiff to the defendant was made under the agreement. The only thing left with the plaintiff was the same in the licence to remain in his name and under cl. 8 it was provided that the plaintiff should seek further extension or extensions of the licence as required by the defendant.

Rule 2 Trengganu Forest Rules yang dibincang oleh yang arif tersebut adalah dari segi kesannya sama dengan s. 23(1) Akta. Oleh itu, bagi kes ini, saya juga berpendapat kesan daripada perjanjian 20 Julai tersebut adalah untuk menyerahkan hak defendan kepada plaintif, perbuatan yang ditegah oleh s. 23 (1) Akta. Tegahan ini juga dinyatakan dengan jelas dalam surat kelulusan membalak yang dikeluarkan kepada defendan melalui surat Jabatan Perhutanan Negeri bertarikh 4 Julai 1991 (Eksibit "HRM1" kand. 6). Perenggan (xviii) surat kelulusan tersebut berbunyi:

> Lesen yang akan dikeluarkan itu tidaklah boleh dipinjam atau disandar atau ditukar milik atau diberi Surat Kuasa (Power of Attorney) kepada pihak yang lain.

Oleh itu saya dapati bahawa perjanjian itu adalah menyalahi undang-undang dan tidak boleh dibawa ke Mahkamah untuk dipertimbangkan. Saya juga tidak bersetuju dengan Peguam plantif yang berhujah agar Mahkamah memecah-bahagikan perjanjian itu mengikut fasal sah dan fasal tidak sah. Mahkamah kemudian katanya, boleh memansuhkan fasal tidak sah dan mengambil kira hanya fasal sah. Dengan berbuat demikian, hujah Peguam bijaksana, perjanjian itu boleh dikekalkan sebagai dokumen yang tidak menyalahi undang-undang (Blue Pencil Rule). Dengan hormatnya saya fikir Mahkamah ini tidak sepatutnya melangkah lebih daripada peringkat pertama iaitu memberi keputusan bahawa perjanjian itu adalah menyalahi undang-undang. Pada saya, Mahkamah ini bukan tempatnya untuk membersihkan sesuatu yang tercemar di sisi undang-undang. Kesesuaian menggunakan kaedah 'blue pencil' akan dibincangkan di bawah.

Beberapa keputusan dalam kes lain telah juga saya pertimbangkan bersabit isu yang sama ini. Antaranya:

Tan Bing Hock v. Abu Samah [1967] 2 MLJ 148.
Lo Su Tsoon Timber Depot v. Southern Estate Sdn. Bhd. [1971] 2 MLJ 161.
Sundang Timber Co. Sdn. Bhd. v. Kinabatangan Development Sdn. Bhd. [1977] 2 MLJ.

Dalam kes *Lo Su Tsoon Timber Depot*, Ismail Khan CJ (Borneo) ketika membincang isu perjanjian yang menyalahi undang-undang telah bersetuju dengan keputusan dalam kes *Snell v. Unity Finance Ltd.* [1963] 3 ALL ER 50 yang memetik kata-kata penghakiman Devlin J dalam kes *Elder v. Auerbach* [1949] 2 ALL ER 692 yang berbunyi:

> That case authorises, I think four propositions: first, that where a contract is *ex facie* illegal, the Court will not enforce it, whether the illegality is pleaded or not; secondly, that where, as here, the contract is not *ex facie* illegal, evidence of extraneous circumstances tending to show that it has an illegal object should not be admitted unless the circumstances relied on are pleaded; thirdly, that where unpleaded facts, which, taken by themselves show an illegal object, have got in evidence (because, perhaps, no objection was raised or because they were adduced for some other purpose), the Court should not act on them unless it is satisfied that the whole of the relevant circumstances are before it; but, fourthly, that where

> the Court is satisfied that all the relevant facts are before it and it can see clearly from them that the contract had an illegal object, it may not enforce the contract, whether the facts were pleaded or not.

Berkenaan dengan efek perjanjian dalam kes tersebut, yang amat arif Hakim Besar berkata:

> The instant case comes, if not within the first, at least within the ambit of the fourth proposition.

Berkenaan dengan rayuan di hadapan saya ini juga saya putuskan bahawa kesan daripada perjanjian itu adalah memberi kuasa kepada plaintif mengambilalih segala hak defendan, baik yang telah dimiliki ataupun yang prospektif atau dijangka. Perjanjian tersebut hendaklah dilihat secara menyeluruh untuk melihat kesan intinya, selain daripada bentuknya sahaja. Setelah meneliti intipati perjanjian itu dan melihat kesannya saya tidak dapat bersetuju dengan hujah Peguam plaintif bahawa ianya hanya merupakan satu perjanjian jualbeli biasa dan oleh itu tidak menyalahi undang-undang. Kes-kes yang telah saya jadikan rujukan di atas juga ada kaitan dengan perjanjian yang serupa dengan perjanjian dalam kes ini dan Mahkamah di situ lebih menekankan bahan atau inti perjanjian serta kesannya daripada bentuknya dan memutuskan bahawa perjanjian seperti ini menyalahi undang-undang yang bersamaan dengan s. 23(1) Akta.

Berkenaan dengan cadangan Peguam plaintif bahawa perjanjian tersebut boleh dipecah-bahagikan supaya Mahkamah ini mengambil kira hanya fasal-fasal yang boleh diterima undang-undang, Hakim Besar Ismail Khan juga memberi pendapatnya lagi di muka surat 165. Yang amat arif berkata:

> This is not merely a contract to buy logs in the log pond and logs in the camp. The buying of these logs is subsidiary to the main contract. The contract was for the takeover of the whole camp, lock stock and barrel.

Seterusnya, yang amat arif membuat kesimpulan:

> In the instant case, the consideration moving from the respondents is the assignment of the rights under the licence to the appellants, a consideration for the other promises in the agreement. That includes the promise to buy timber in cl. 5. The consideration moving from the respondents is illegal and so every promise in the agreement becomes illegal. Cl. 5 is therefore not severable from the illegal consideration.

Dengan hormatnya saya bersetuju dan seperti yang telah saya putuskan tadi, keseluruhan perjanjian ini adalah menyalahi undang-undang oleh kerana fasal-fasal dalamnya berhubungkait dan tidak boleh diasingkan antara satu sama lain. Oleh itu 'blue pencil rule' tidak terpakai bagi tujuan memegang fasal-fasal tertentu dalam perjanjian itu.

Bayaran Balik Wang Pendahuluan

Kedua-dua pihak juga merayu terhadap perintah Penolong Kanan Pendaftar yang memerintahkan supaya defendan membayar kembali wang sebanyak RM55,000 yang diterima daripada plaintif sebagai pendahuluan bayaran di bawah perjanjian itu. Adalah diperhatikan bahawa perjanjian 20 Julai 1990 itu ditandatangani oleh kedua-dua pihak di hadapan Encik Chang Ko Youn, seorang peguambela dan peguamcara yang bertindak sebagai saksi kepada plaintif dan juga defendan. (Encik Chang Ko Youn kini mewakili pihak plaintif dalam rayuan ini). Saya percaya dengan kehadiran seorang Peguam sebagai saksi, kedua-dua pihak tidak menyedari bahawa dokumen yang mereka tandatangani adalah menyalahi undang-undang dan tidak sah. Jika boleh, saya ingin menambah bahawa

kehadiran Peguam di sini bukan hanya selaku seorang saksi semata-mata bahkan dia memain peranan untuk menasihati kedua-dua pihak tentang keesahan perjanjian itu. Oleh itu dalam keadaan sedemikian, tiada sebab bagi plaintif atau defendan di sini untuk menyoal status perjanjian itu. Sudah tentu jika perjanjian yang mereka tandatangani itu tidak sah, mereka akan dinasihati sedemikian. Saya juga berpendapat berdasarkan fakta bahawa atas anggapan dan keyakinan bersama bahawa semuanya teratur maka plaintif telah membayar dan defendan-defendan menerima wang pendahuluan sebanyak RM55,000 itu.

Hanya pada 21 Januari 1992 defendan menyedari bahawa perjanjian itu menyalahi undang-undang dan melalui Peguam mereka telah menghantar surat pembatalan perjanjian itu kepada defendan (Eksibit 'HRM3' kand. 6). Melalui surat itu juga defendan telah menawar untuk kembalikan RM55,465 iaitu wang pendahuluan dan bayaran premium yang telah dibayar oleh plaintif kepada mereka.

Pihak plaintif dalam rayuannya terhadap perintah ini menyatakan bahawa defendan sepatutnya mengembalikan wang sejumlah RM90,465 dan bukan hanya RM55,000, sementara defendan pula menyatakan bahawa yang arif Penolong Kanan Pendaftar telah tersilap apabila membuat perintah bayaran balik ini oleh kerana plaintif bukan *'in pari delicto'* terhadap kesalahan menandatangani perjanjian ini dan justeru itu tidak boleh dibayar balik sebagai restitusi mengikut s. 66 Akta Kontrak 1950 (Akta 136).

Atas sebab-sebab yang telah dihuraikan di atas saya dapati bahawa kedua-dua pihak bukan sahaja tidak menyedari bahawa mereka telah mengikat satu perjanjian yang menyalahi undang-undang, akan tetapi tidak ada sebab untuk meragukan keesahan perjanjian itu. Hanya pada 21 Januari 1992 pihak defendan menyedari hakikat ini dan melalui Peguamnya menulis surat kepada plaintif untuk membatalkan perjanjian itu. (Sila lihat kand. 6 perenggan 8). Plaintif pula sehingga ke hari ini tidak menyedari bahawa dia telah menjadi pihak kepada satu perjanjian yang menyalahi undang-undang. Jika dia menyedari akan kepincangan ini, masakan dia terus dengan tuntutan pelaksanaan spesifik ini yang berlandaskan perjanjian yang sama. Oleh itu saya memutuskan bahawa plaintif boleh menerima balik sebagai bayaran yang dibuat olehnya di bawah perjanjian ini mengikut s. 66 Akta 136 memandangkan bahawa dia tidak *'in pari delicto'*.

Hujahan Peguam defendan bahawa plaintif pasti menyedari akan kesalahan mengikat sesuatu perjanjian seperti perjanjian ini oleh kerana dia bergiat dalam perniagaan kilang papan adalah tidak berasas dan dengan hormatnya tidak boleh diterima oleh Mahkamah. Tanpa apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa plaintif menyedari keadaan tersebut, Mahkamah tidak sanggup menerima cadangan seperti ini.

Oleh itu s. 66 Akta 136 yang saya petik di bawah ini adalah, terpakai:

> s. 66. When an agreement is discovered to be void, or when a contract becomes void any person who has received any advantage under the agreement or contract is bound to restore it, or to make compensation for it, to the person from whom he received it.

Dalam kes *Menaka v. Ng Siew San* [1973] 1 MLJ 50, di mana fakta kes tidak banyak berbeza dengan kes di sini, kedua-dua pihak telah mengikat satu perjanjian pinjaman wang yang kemudiannya didapati menyalahi s. 8(b) dan s. 8(c) Moneylenders Ordinance 1951 dan wang pinjaman sebanyak RM20,000 telah pun diberi oleh pemohon di situ. Mohamed Azmi H (pada masa itu) berkata di muka surat 53:

> As both parties in this case were not aware and were genuinely ignorant of the illegality at the time of making the loan transaction, the applicant is entitled to relief under s. 66. Under the circumstances of the present case, I do not think it is reasonable that the

a respondent who had the benefit and advantage of using RM20,000 of the applicant's money and who is now relying on the illegality of the loan transaction and counterclaiming, *inter alia*, for the return and cancellation of the note of memorandum and the memorandum of charge, should have reliefs, nothwithstanding such illegality, without being put on terms by which both parties may be restored to the positions they occupied before the transaction commenced.

b Peguambela defendan juga berhujah bahawa Penolong Kanan Pendaftar telah tersilap dalam membuat perintah supaya defendan mengembalikan wang pendahuluan tersebut, oleh kerana permohonan plaintif telah dibatalkan atas sebab tuntutan itu berlandaskan satu transaksi yang menyalahi undang-undang. Dengan hormatnya saya tidak boleh menerima cadangan ini. Tuntutan untuk mengembalikan wang tersebut pada pendapat saya adalah berasingan dan tidak berasaskan perjanjian itu. Fakta menunjukkan bahawa plaintif tidak
c menyedari akan apa-apa kesalahan apabila dia mengikat diri atas perjanjian itu dan dia juga tidak *'in pari delicto'*. Oleh itu s. 66 Akta 136 jelas terpakai bagi kes ini.

Di dalam kes *Ahmad bin Udoh and Anor v. Ng Aik Chong* [1971] 1 MLJ 82, Mahkamah Persekutuan telah berpeluang menimbang kedudukan s. 66 Akta 136 itu, dan persoalan samada wang yang telah diterima di bawah sesuatu perjanjian yang menyalahi undang-
d undang perlu dikembalikan. Suffian FJ (pada masa itu) berkata di muka surat 84:

> In the instant case there is no evidence that the plaintiff was *in pari delicto* and that he knew when he entered into the agreement that it was forbidden by law, the illegality of the agreement was discovered subsequent to the making of it, the claim for restoration of his money is not based on the illegal contract but disassociated from it and his action is not founded on dealings which are contaminated by illegality.

e Jelas sekali keputusan Mahkamah Persekutuan itu terpakai bagi kes ini juga. Plaintif di atas bersih daripada apa-apa kesilapan dan tuntutannya supaya dikembalikan wang pendahuluan tersebut pula tidak tercemar walaupun kedua-dua pihak di sini telah mengikat satu perjanjian yang menyalahi undang-undang.

Berkenaan dengan rayuan plaintif supaya dibayar kembali wang sebanyak RM90,465 tidak ada bukti langsung yang boleh menunjukkan bahawa defendan telah menerima wang
f sebanyak ini. Tuntutan plaintif mengikut pengindorsan tuntutannya (kand. 1) ialah untuk 'pengembalian wang permulaan sebanyak RM55,000'. Plaintif adalah terikat dengan plidingnya (walaupun di sini defendan telah sedia membayar balik sebanyak RM55,465).

Atas sebab di atas, Mahkamah memutuskan supaya kedua-dua rayuan ini (kand. 9 & 10) ditolak, perintah Penolong Kanan Pendaftar dikekalkan, dan tiada kos diperintahkan.

g

h

i